

06 OCT 2001

Zainal-Anuiti

KONSORTIUM PENGENDALI SKIM ANUITI TIDAK PATUT CAJ TINGGI

PETALING JAYA, 6 Okt (Bernama) -- Konsortium pengendali skim anuiti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) tidak sepatutnya mengenakan caj perkhidmatan yang tinggi ke atas pencarum yang mahu keluar daripada skim itu berikutan keputusan kerajaan memberikan KWSP tanggungjawab melaksanakan skim itu sepenuhnya.

Presiden Kongress Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) Senator Zainal Rampak berkata pihaknya dimaklumkan konsortium itu bercadang mengenakan bayaran perkhidmatan tujuh hingga 7.5 peratus ke atas jumlah wang simpanan pencarum dalam skim itu, yang memilih untuk kembali kepada KWSP.

Sejak skim itu diperkenalkan pada 1 Julai tahun lepas bagi membolehkan pencarum KWSP menikmati jaminan kewangan sepanjang hayat ala skim pencen kerajaan, dikatakan telah menerima sejumlah RM5,000 juta daripada KWSP berikutan keputusan sejumlah pencarumnya menyertai skim itu, katanya.

Beliau berkata konsortium yang dianggotai oleh enam syarikat insurans konvensional dan dua syarikat Takaful, pada mula pelaksanaan skim itu berjanji akan hanya mengenakan RM50 sahaja sebagai bayaran perkhidmatan jika pencarum ingin kembali kepada KWSP.

Zainal berkata demikian pada persidangan media di sini hari selepas menghadiri majlis konvokesyen Kolej WIT di sini hari ini yang dirasmikan oleh Pengarah Penguatkuasa Jabatan Pendidikan Swasta Dr Arif Kassim.

Menurut Zainal, KWSP perlu mengadakan perbincangan dengan konsortium pengendali skim itu mengenai isu bayaran perkhidmatan itu, selain daripada membincangkan keuntungan yang patut diterima oleh pencarum sepanjang wang mereka di bawah jagaan konsortium itu.

Syarikat-syarikat yang terbabit di bawah konsortium itu terdiri daripada Malaysia Assurance Alliance Bhd, John Hancock Life Insurans Malaysia Bhd, Mayban Life Assurance Bhd, Malaysia National Insurance Bhd, MCIS Insurance Bhd, dan Hong Leong Assurance Bhd, Takaful Nasional dan Syarikat Takaful.

Beliau berkata konsortium itu sepatutnya mengagihkan keuntungan yang mereka dapat dengan pencarum memandangkan jumlah wang yang mereka terima cukup memberi keuntungan lumayan walaupun hanya disimpan dalam simpanan tetap.

Malah ada sebuah syarikat yang terbabit menerima RM2,000 juta (billion) di bawah skim itu, katanya.

Zainal berkata pihaknya juga akan membawa isu ini pada mesyuarat Lembaga KWSP yang dijangka pada pertengahan bulan depan bagi memastikan konsortium itu tidak mengambil kesempatan daripada wang pencarum yang dipindahkan kepada akaun mereka.

Beliau yakin dengan keputusan menamatkan perkhidmatan konsortium itu tidak akan membebankan syarikat-syarikat itu.

Beliau menyambut baik keputusan kerajaan bahawa skim anuiti KWSP yang digantung sementara sejak Mei lepas, akan dilaksanakan oleh KWSP sepenuhnya.

Keputusan itu diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam tadi.

Zainal berkata dengan keputusan itu, pencarum tidak perlu membuat bayaran tambahan dan komisen serta tidak perlu bimbang dengan kedudukan syarikat-syarikat di bawah konsortium tersebut.

Sementara itu, Presiden Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) S. M. Mohamed Idris bersetuju dengan MTUC bahawa pencarum skim itu dibenar

mengeluarkan pelaburan mereka tanpa mengalami kerugian berikutan keputusan kerajaan itu.

" Oleh kerana pencarum yang melabur dalam skim itu tidak diberi penerangan yang sewajarnya oleh KWSP, maka adalah adil bahawa mereka dibenar mengeluarkan wang mereka," kata beliau.

Beliau berkata pencarum juga harus dibenar memasukkan kembali wang mereka ke dalam akaun KWSP tanpa kehilangan faedah bagi tempoh yang caruman mereka dikeluarkan daripada akaun itu.

CAP juga mahu kerajaan memastikan bahawa Skim Pencen Pilihan diuruskan oleh sekumpulan ahli profesional yang cekap yang mempunyai rekod yang cemerlang, kata beliau dalam satu kenyataan.

"KWSP harus melabur dana itu dalam sektor-sektor terjamin yang dapat menghasilkan pulangan yang menguntungkan untuk membolehkan pencarum hidup dengan selesa selepas bersara," kata beliau.

-- BERNAMA

HK AZZ FAZ